



## Sannatasah juarai beregu campuran

**Kuala Lumpur:** Berada di luar Persatuan Badminton Malaysia (BAM) barulah dapat mengecapi kejuaraan, itulah detik gemilang dinikmati Sannatasah Saniru (*gambar*) dan Muhammad Adib Haiqal Nurizwan apabila muncul juara beregu campuran Cabaran Antarabangsa Bangladesh kelmarin.

Adib-Sannatasah diletakkan selaku pilihan ketiga, menewaskan pemain India, Abishek Ahlawat-Sanskriti Chhabra 21-10, 21-11.

"Saya amat gembira kerana akhirnya berjaya men-

capai cita-cita. Biarpun kejohanan ini berstatus Cabaran Antarabangsa, saya kini lebih bersemangat dan berasa seperti kerjaya saya baru bermula," kata Sannatasah, 23 yang kini bersama kelab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Sannatasah kini dilatih bekas pemenang pingat gangsa Olimpik, Razif Sidik, berlatih bersama abangnya Vountus Indra Mawan dan pemain profesional lain seperti Muhd Hafiz Hashim, Muhd Arif Latif, Zakry Latif dan Fairuzizuan Tazari.

Pada kejohanan sama,

seorang lagi bekas pemain kebangsaan, K Yogendran muncul juara perseorangan lelaki selepas menewaskan pemain Taiwan, Hsu Jen Hao 23-21, 21-14.

Sementara itu, Misbun Ramdan Misbun turut cemerlang apabila meraih kejuaraan keempat tahun ini selepas menewaskan Dieter Domke dari Jerman pada final Terbuka Ireland.

Seorang lagi bekas pemain BAM, Tan Chun Seang sekadar muncul naib juara di Grand Prix Terbuka Vietnam apabila tunduk kepada pemain Korea, Son Wan Ho 14-21, 9-21.